



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - MOF Umum Penubuhan LAKSANA Pantau Pelaksanaan
PRE 2020

☐ Isnin, Mac 16 2020☐ ☐

KUALA LUMPUR, 16 Mac - Kementerian Kewangan (MOF) mengumumkan penubuhan Unit Pelaksanaan & Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) di kementerian itu bagi memantau pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi (PRE) 2020.

Menterinya Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata LAKSANA akan membuat laporan secara berkala kepada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi berhubung status pelaksanaan dan pencapaian inisiatif berkaitan rangsangan ekonomi.



"Saya percaya penubuhan unit ini akan memastikan inisiatif yang diumumkan di bawah PRE 2020 dan inisiatif selanjutnya dapat dilaksanakan dalam masa terdekat dengan sempurna bagi memastikan ekonomi negara kekal kukuh dan kebajikan rakyat dipelihara," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi mingguan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan memantau perkembangan ekonomi semasa dan mempertimbangkan langkah tambahan serta penambahbaikan ke atas PRE 2020.

Sehubungan itu, beliau berkata LAKSANA juga akan berperanan memastikan pelaksanaan langkah baharu dan penambahbaikan PRE 2020.

"Kerajaan komited bagi memastikan kesemua inisiatif yang telah diumumkan dalam PRE 2020 dapat dilaksanakan dengan segera dan efektif," katanya.

PRE 2020 bernilai RM20 bilion yang diumumkan pada 27 Februari, 2020 telah dirangka bagi memastikan risiko ekonomi berikutan penularan wabak COVID-19 dapat ditangani.

Pada masa yang sama, inisiatif yang dirangka itu juga adalah bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan rakyat terjamin.

-- BERNAMA



□ BISNES

□ AGENSI

□ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian

Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas

Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia



No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data